



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000
Faks: 03 – 8891 5557
Laman Web: www.kpkt.gov.my
Emel: pro@kpkt.gov.my
Twitter: www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook: www.facebook.com/KPKTMalaysia

Rujukan kami: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (191)

Tarikh : 03 Disember 2016

SIARAN MEDIA

Bandar Mampan, Komuniti Sejahtera

Kuala Lumpur, 3 Disember 2016 – Karnival KPKT 2016 dirasmikan oleh YB Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan pada pagi ini juga dilancarkan Rancangan Fizikal Negara Ke-3 dan Dasar Perbandaran Negara Ke-2.

2. Karnival KPKT yang julung kali yang dianjurkan oleh KPKT ini bermula dari 3 hingga 4 November 2016 bertemakan Bandar Mampan Komuniti Sejahtera mengabungkan 4 sambutan rasmi tahunan KPKT iaitu Sambutan Hari Habitat Sedunia, Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia, Sambutan Hari Kitar Semula dan Sambutan Hari Tandas Peringkat Kebangsaan.

3. Pemilihan tema adalah “Bandar Mampan, Komuniti Sejahtera” atau “*Healthy Communities In Sustainable Cities*” yang amat bersesuaian bagi keempat-empat sambutan tersebut dengan mengambilkira aspek perbandaran yang diberikan perkhidmatan oleh jabatan, bahagian dan unit di bawah KPKT.

- Ia juga mengambil kira faktor kesejahteraan rakyat khususnya rakyat bandar yang memerlukan kepada keseimbangan di antara pembangunan fizikal, pemeliharaan alam sekitar dan aspek sosial manusia.
- Fungsi utama kemampan bandar yang sihat adalah berintegrasi dan melengkapi alam semulajadi dengan mengurangkan impak alam sekitar di samping menggalakkan aktiviti fizikal, kesejahteraan psikologi dan komuniti yang sihat.

4. Pemilihan tema ini juga menjurus kepada persiapan awal Malaysia untuk satu lagi acara gemilang yang berkaitan dengan petempatan manusia iaitu *World Urban Forum Ke-9 (WUF9)* pada tahun 2018 yang melibatkan penyertaan lebih daripada 140 negara seluruh dunia. World Urban Forum (WUF) adalah suatu forum bukan teknikal yang diadakan oleh United Nations Human Settlements Programme (UN-Habitat), dan dianjurkan di bandar-bandar berbeza setiap dua tahun, untuk mengkaji isu-isu mendesak berkaitan penempatan manusia, termasuk perbandaran yang pesat dan kesannya terhadap bandar, komuniti, ekonomi, perubahan iklim dan polisi.

5. Kuala Lumpur, Malaysia telah memenangi hak pembidaan bagi penganjuran World Urban Forum (WUF) kesembilan pada tahun 2018 seperti yang telah diumumkan oleh UN-Habitat pada 3 November 2014.

6. Karnival ini dilaksanakan secara NBOS oleh bahagian dan Jabatan di bawah KPKT bersama agensi lain antaranya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Mengo dan Polis DiRaja Malaysia.

7. Sasaran KPKT adalah rakyat Malaysia dari pelbagai peringkat umur yang terdiri daripada professional dan masyarakat awam didedahkan kepada fungsi KPKT menerusi pameran, demonstrasi dan aktiviti yang dirancang selama 2 hari ini yang berkonsepkan persekitaran kehidupan yang mampan bagi meningkatkan kesejahteraan masyarakat khususnya penduduk bandar.

8. KPKT menterjemahkan konsep ini menerusi pelbagai acara menarik yang mengalakkan penyertaan kekeluargaan dari pelbagai peringkat umur menerusi program-program yang diatur di bawah Sambutan Hari Habitat Sedunia, Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia, Sambutan Hari Kitar Semula dan Sambutan Hari Tandas Peringkat Kebangsaan seperti *Urban Picnic, City Hunt, KL Car Free Morning*, Habitat Moment, aktiviti Place Making, demonstrasi oleh Jabatan Landskap Negara dan Bomba, *Food Truck Fest*, gerai perniagaan Peserta Azam Bandar, *Public Speaking, Program Upscaling*, pameran, Radio JKT dan lain-lain lagi.

9. Pada pagi ini juga diadakan pemberian Anugerah-anugerah sempena Sambutan Hari Habitat Sedunia, Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia, Sambutan Hari Kitar Semula dan Sambutan Hari Tandas Peringkat Kebangsaan seperti :

- Anugerah Bandar Mampan (MURNInets) 2015
- Anugerah Pelaksana Kejiranan Hijau 2016
- Anugerah Bandar Bersih
- Anugerah Industrial *Zero Waste Best Practice* 2016
- Anugerah Tandas Sedunia

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semananjung Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my